

18/01/2005

Pusat haemodialisis di luar bandar

BANTING: Yayasan Emkay memperuntukkan RM1.3 juta untuk membina sebuah Pusat Rawatan Haemodialisis di setiap kawasan luar bandar untuk kemudahan penduduk yang tidak mampu mendapatkan rawatan di bandar.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan Syarikat Emkay, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar yang juga Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Emkay, berkata, pihaknya juga sedia bekerjasama dengan Pejabat Daerah atau mana-mana pihak yang dapat memberi tapak atau bangunan untuk dibaik pulih sebagai pusat berkenaan.

Beliau berkata, dengan kerjasama itu, peruntukan berkenaan dapat digunakan sepenuhnya untuk membeli mesin dialisis dan peralatan rawatan lain yang diperlukan.

"Pusat rawatan ini kemudiannya akan diserahkan kepada pakar untuk menguruskannya, termasuk menentukan kos berpatutan kepada pesakit.

"Bagi pesakit yang tidak mampu, kita bekerjasama dengan Baitulmal dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk membantu membiayai kos rawatan mereka," katanya pada sidang media selepas majlis perasmian Pusat Rawatan Haemodialisis Felina di sini, semalam.

Majlis perasmian itu disempurnakan oleh isteri bekas Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali. Turut hadir ialah bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh.

Pusat Haemodialisis Felina adalah pusat kedua disediakan Yayasan Emkay selepas Pusat rawatan Haemodialisis Wan Nong di Batu Gajah, Perak.

Mustapha Kamal berkata, pusat haemodialisis ketiga akan didirikan tidak lama lagi dan mungkin di Kedah.

(END)